KOH KEK BEE HOLDINGS SDN. BHD.

lwn.

PENDAKWA RAYA

MAHKAMAH TINGGI, MELAKA
TUAN LOW HOP BING PK
[RAYUAN JENAYAH NO. 41-9-92]
6 JULAI 1994

UNDANG-UNDANG & PROSEDUR JENAYAH: Perintah Perihal Dagangan (Amaran Bahaya Merokok) 1977 (Pindaan 1988) - Kesalahan membekalkan karton rokok tanpa dicetak perkataan-perkataan yang dikehendaki oleh Perintah 3(1) Perintah 1977 tersebut - Kegagalan mematuhi peraturan - Perintah 6 Perintah 1977.

KETERANGAN: Invois dan bil tunai ditandakan sebagai eksibit - Pembuat invois dan bill tunai tidak di panggil sebagai saksi - Kesannya - Pengakuan oleh pengarah terutuduh bahawa rokok tersebut kepunyaan tertuduh - Pengakuan dibuat kepada Pegawai Penguatkuasa - Samada boleh di terima-masuk di bawah s. 24 Akta Keterangan 1950.

KETERANGAN: Beban pembuktian pada penutupan kes pendakwa - Samada Mejistret telah memberi pertimbangan yang teliti atau penilaian maksima keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwa - Pemakaian prinsip dalam kes Khoo hi Chiang lwn. Public Prosecutor.

Kes in merupakan satu rayuan daripada keputusan Majistret Alor Gajah dimana perayu telah disabitkan kesalahannya di bawah Aturan 6, Perintah Perihal Dagangan (Amaran Bahaya Merokok) 1977 (Pindaan 1988) dan didenda sebanyak RM1,000.

Diputuskan:

[1] Keterangan SP2 yang merupakan sejenis pengakuan atau pengakuan salah dari pengarah tertuduh tidak boleh diterima masuk sebagai keterangan kerana peruntukan di bawah s. 24 Akta Keterangan 1950 tidak dipatuhi.

[2] Adalah jelas bahawa keterangan-keterangan daripada saksi-saksi pendakwaan telah menimbulkan beberapa keraguan yang tidak diberi pertimbangan teliti atau penilaian maksima oleh Majistret yang bijaksana itu.

[3] Sekiranya keseluruhan keterangan itu diberi pertimbangan teliti atau penilaian maksima seperti yang dikehendaki di bawah undang-undang, maka Majistret yang bijaksana itu mungkin mencapai satu keputusan bahawa tiada kes *prima facie* dikemukakan oleh pihak pendakwaan pada akhir kesnya.

[4] Berdasarkan kepada alasan-alasan yang tersebut di atas, pada ahkir pendakwaan, pendakwa telah gagal mengemukakan satu kes *prima facie* menurut tahap yang diperintahkan oleh Mahkamah Agung dalam kes *Khoo Hi Chiang*.

[Rayuan dibenarkan. Sabitan diketepikan. Perayu dibebaskan dan dilepaskan].

Kes yang dirujuk:

Khoo Hi Chiang lwn. Public Prosecutor And Another Appeal [1994] 2 CLJ 151 / [1994] 1 MLJ 268 ***(diikuti)***

Perundangan yang dirujuk:

Akta Perihal Dangangan 1972, ss. 11(2), 18(2)
Akta Keterangan 1950, s. 24
Perintah Perihal Dagangan (Amaran Bahaya Merokok) 1977 (Pindaan 1988), Perintah 3(1), 6

Bagi pihak pendakwa - Ishak Sahari, Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Melaka
Bagi pihak perayu - Shaari Nor; T/n. Shaari Nor & Co.

ALASAN PENGHAKIMAN

Low Hop Bing PK:

Ini adalah satu rayuan dari keputusan Majistret yang bijaksana di mana perayu telah didapati bersalah dan didenda sebanyak RM1,000. Sabitan tersebut adalah mengenai pertuduhan yang berbunyi seperti berikut:

> Bahawa kamu pada 22 Oktober 1988 dipremis perniagaan No. 1538, Lubok Cina, Melaka dalam daerah Alor Gajah dalam Negeri Melaka, dalam perjalanan perniagaan telah membekalkan kepada seorang Krishnan a/l P. Rasappan K. P. 7829551, sebanyak 3 karton rokok gudang garam yang mana bakinya 2 karton dan 9 bungkusan kecil darinya didapati tidak dicetak pada tiap-tiap bungkusan, perkataan-perkataan (Amaran Oleh Kerajaan Malaysia - Merokok Membahayakan Kesihatan) sepertimana dikehendaki dibawah Perintah 3(1), Perintah Perihal Dagangan (Amaran Bahaya Merokok) 1977 (Pindaan 1988) dan dengan itu kamu telah melanggar Perintah 6, Perintah yang sama, yang mana menjadi kesalahan di bawah s. 11(2) Akta Perihal Dagangan, 1972 dan dengan itu boleh dihukum di bawah s. 18 (2), Akta yang sama (Akta 87).

Di dalam keputusan Majistret yang bijaksana itu, Majistret berpendapat bahawa "di akhir pembelaan saya telah mendapati OKS telah gagal menimbulkan sebarang keraguan ke atas kes pendakawaan."

Isu tunggal dalam rayuan ini adalah sama ada pihak pendakwaan telah membuktikan bahawa perayu telah membekalkan rokok kepada Krishnan a/l P. Rasappan (SP4), hingga tahap melebihi keraguan munasabah. Kes pendakwaan bergantung kepada keterangan-keterangan beberapa saksi pendakwaan iaitu SP1-4. Di dalam keterangan SP1 iaitu Penolong Pegawai Perdagangan Cawangan Melaka, beliau mengatakan "OKS telah memberitahu saya, ia telah membeli rokok-rokok itu daripada Syarikat Koh Kek Bee Holdings Sdn. Bhd. dan menunjukan invois kepada saya untuk membuktikan pembelian itu". Pihak pendakwaan telah mengemukakan satu invois, P4, yang menunjukkan satu cash bill di mana telah dicatit Koh Kek Bee Holdings Sdn. Bhd. Walaupun pembuatnya tidak dipanggil sebagai saksi pendakwaan, P4 telah dikemukakan dan diterima sebagai eksibit pendakwaan. Tiada bil-bil yang sama telah disita daripada premis atau kedai perayu. Bil ini telah ditandatangani oleh seorang jurujual tetapi siapakah jurujual itu tidak dicamkan ataupun dikemukakan sebagai saksi pendakwaan. Oleh yang demikian asal atau latar belakang P4 itu tidak dapat dibuktikan tanpa keraguan munasabah, walaupun SP4 Krishnan, telah mengatakan bahawa bil ini diperolehi daripada perayu. Malangnya pihak pendakwaan tidak dapat kemukakan rekod jualan atau belian dari SP4 Krishnan. P4 adalah satu bil tunai dan pembuat dokumen itu tidak dapat dikemukakan sebagai saksi.

Setelah meneliti Rekod Rayuan dengan terperinci dan memberi penilaian yang maksima kepada kes pendakwaan, saya dapati beberapa aspek lain di mana keraguan telahpun ditimbulkan dalam kes pendakwaan seperti berikut:

(i) SP2 iaitu Pegawai Penguatkuasa, telah memberi keterangan seperti berikut:

> Saya ada tunjuk ID.4 kepada Encik Koh Kek Bee. Beliau beritahu tidak ada menyimpan sebarang rekod, atau invois itu dan beliau tidak dapat mengenali siapa yang kemukakan cash bill itu. Saya ada minta tapi beliau enggan jawab.
>
> Walaubagaimana pun, SP2 terus mengatakan bahawa Encik Koh Kek Bee telah mengaku rokok-rokok itu kepunyaan beliau (Encik Koh Kek Bee).

Saya berpendapat bahawa keterangan SP2 di atas yang merupakan sejenis pengakuan atau pengakuan salah dari Koh Kek Bee (Pengarah tertuduh) tidak boleh diterima masuk sebagai keterangan kerana peruntukan di bawah s. 24 Akta Keterangan 1950 tidak dipatuhi. Seksyen 24 berbunyi seperti berikut:

> 24. Dalam prosiding jenayah sesuatu pengakuan salah yang dibuat oleh orang tertuduh adalah tak relevan jika mahkamah berpendapat bahawa pengakuan salah itu telah dibuat oleh sebab sesuatu dorongan, ugutan atau janji berkenaan dengan pertuduhan terhadap orang tertuduh itu dan dorongan, ugutan atau janji itu terbit daripada seseorang yang berkuasa dan pada pendapat mahkamah cukup untuk memberi kepada orang tertuduh itu alasan-alasan yang pada pendapatnya munasabah bagi menyangkakan bahawa dengan membuat pengakuan itu dia akan mendapat sesuatu faedah atau dapat mengelakkan sesuatu keburukan keduniaan berkenaan dengan prosiding terhadapnya.

SP2 adalah seorang pegawai penguatkuasa dan oleh yang demikian beliau adalah seorang yang berkuasa. Segala pernyataan dalam bentuk pengakuan atau pengakuan salah oleh seorang tertuduh adalah tak relevan. Untuk membolehkan Mahkamah menerima masuk keterangan ini, adalah perlu bagi pihak pendakwaan membuktikan bahawa pengakuan atau pengakuan salah oleh Koh Kek Bee itu telah dibuat tanpa sebarang dorongan, ugutan atau janji. Dalam Rayuan ini, tiada keterangan ini telah dikemukakan.

(ii) SP3 telah mengatakan di bawah pemeriksaan balas bahawa rokok berkenaan telah diimpot oleh Koh Kek Bee Sdn. Bhd. Beliau mengatakan "Rokok ini diimpot oleh Koh Kek Bee Sdn. Bhd. Saya periksa rokok ini tapi labelnya tidak sama seperti yang saya periksa." Keterangan ini telah menimbulkan satu keraguan mengenai identiti exsibit dalam kes ini.

(iii) SP4 mengatakan seperti berikut:

> Saya tidak pernah telefon atau membuat pesan dari Koh Kek Bee. ... Saya tak tahu rokok daripada mana, saya tak tahu.

Adalah jelas bahawa keterangan-keterangan daripada saksi-saksi pendakwaan tersebut telah menimbulkan beberapa keraguan yang tidak diberi pertimbangan teliti atau penilaian maksima oleh Majistret yang bijaksana itu. Sekiranya keseluruhan keterangan itu diberi pertimbangan teliti atau penilaian maksima seperti yang dikehendaki di bawah undang-undang, maka Majistret yang bijaksana itu mungkin mencapai satu keputusan bahawa tiada kes *prima facie* dikemukakan oleh pihak pendakwaan pada akhir kesnya.

Di dalam kes *Khoo Hi Chiang lwn. Public Prosecutor And Another Appeal* [1994] 1 MLJ @ 268, Mahkamah Agung, telah, di antara lain, memutuskan seperti berikut:

> (Oleh Edgar Joseph Jr HMA) Tugas mahkamah pada penutup kes pendakwa adalah untuk melakukan bukan hanya suatu penilaian minima terhadap keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwa untuk menentukan sama ada keterangan pihak pendakwa itu sememangnya tidak boleh dipercayai, iaitu ujian *Haw Tua Tau*, tetapi suatu penilaian maksima keterangan itu untuk menentukan sama ada pihak pendakwa telah membuktikan tuduhan terhadap tertuduh sehingga melebihi keraguan yang munasabah.

Berdasarkan kepada alasan-alasan yang tersebut di atas saya memutuskan bahawa pada akhir kes pendakwaan, pendakwa telah gagal mengemukakan satu kes *prima facie* menurut tahap yang diperintahkan oleh Mahkamah Agung dalam kes *Khoo Hi Chiang* tersebut. Oleh yang demikian saya membenarkan Rayuan ini dan memerintahkan bahawa sabitan yang dirakamkan oleh Majistret yang bijaksana itu diketepikan, dan defendan dibebaskan dan dilepaskan. Denda, sekiranya telah dibayar, akan dikembalikan kepada perayu. Eksibit-eksibit lain dikembalikan kepada pendakwaan untuk pelupusan.

PENDAKWA RAYA

lwn.

M. YOGALINGAM A/L S. MUTHUKRISHNAN & 2 LAGI

MAHKAMAH TINGGI, KUALA LUMPUR
DATO' HJ. ARIFIN BIN HJ. JAKA PK
[PERBICARAAN JENAYAH BIL. WPPJ 47-22-92]
17 MAC 1993

UNDANG-UNDANG PROSEDUR JENAYAH: Tuduhan mengedar dadah berbahaya - Tuduhan dipinda kepada satu kesalahan di bawah s. 12(2) Akta Dadah Berbahaya 1952 - Ketiga-tiga tertuduh mengaku salah - Faktor-faktor yang perlu dipertimbangkan sebelum Mahkamah menjatuhkan hukuman - Tertuduh kedua seorang orang muda - Pertimbangan peruntukkan di bawah s. 15(2) Akta Mahkamah Juvana 1947 - Sama ada tertuduh kedua patut dipenjarakan.

Ketiga-tiga tertuduh dibicarakan atas tuduhan mengedar dadah berbahaya di bawah s. 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952. Semasa perjalanan perbicaraan, pihak pendakwa telah meminda tuduhan terhadap ketiga-tiga tertuduh daripada s. 39B(1)(a) kepada s. 12(2) Akta yang sama. Ketiga-tiga tertuduh telah mengaku salah di atas pertuduhan pindaan dan soalan yang timbul ialah hukuman yang patut dijatuhkan keatas tertuduh.

Diputuskan:

[1] Setelah mengambil kira bahawa tertuduh telah mengaku salah, satu fakta yang boleh meringankan hukuman, dan kepentingan awam dan bahawa ini adalah kesalahan serius melibatkan heroin seberat 32 gram dan mengambil kira keseluruhan keadaan dalam kes ini, Mahkamah berpendapat bahawa hukuman yang setimpal dengan kesalahan terhadap tertuduh pertama dan kedua adalah 15 penjara bermula dari tarikh tangkapan dan 10 kali sebatan.

[2] Menempatkan tertuduh kedua di Sekolah Henry Gurney, seperti yang dicadangkan oleh Peguamnya, tidaklah sesuai dan setimpal dengan kesalahan serius yang dilakukan oleh tertuduh walaupun tertuduh adalah seorang orang muda semasa melakukan kesalahan.

[3] Hukuman yang dijatuhkan hendaklah mencerminkan bahawa Mahkamah juga